

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan KSCP
Sidang Akademik 1997/98

April 1998

ZGT 479/3 - Oseanografi Geologi

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan sahaja. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Berikan penjelasan ringkas mengenai
 - (i) pengaliran lamina dan pengaliran bergelora
 - (ii) lapisan sempadan
 - (iii) kekasaran bijian dan kekasaran dasar
 - (iv) beban dasar dan beban ampian.

(40/100)
- (b) Bincangkan konsep regim pengaliran dalam proses pembentukan bentuk dasar.

(60/100)
2. (a) Secara ringkas jelaskan maksud
 - (i) arus kekeruhan
 - (ii) pengaliran bijian
 - (iii) pengaliran sedimen bercecair
 - (iv) aliran puing
 - (v) nendat (slump)

(50/100)
- (b) Bincangkan dua kaedah di mana organisme dapat membantu pengendapan sedimen.

(50/100)

...2/-

3. (a) Jelaskan proses evolusi lembangan laut. (30/100)
- (b) Bincangkan perubahan-perubahan yang terjadi semasa peredaran hidroterma. (70/100)
4. (a) Bincangkan ciri-ciri permukaan paya garam termasuk caruk (creek) dan kemasu garam (salt pans). (50/100)
- (b) Jelaskan bagaimana paras pasang-surut dan halaju arus berubah di muara sungai. (50/100)
5. (a) Bincangkan hubungan profil pantai dengan tenaga gelombang dan tekstur sedimen. (50/100)
- (b) Jelaskan proses pembentukan kuspas dan beting sabit (crescentic bar) di persisiran pantai. (50/100)